

BAB IV

KESELARASAN KURIKULUM DI SRJK(C)

Dari segi sistem pendidikan kebangsaan, seperkara yang perlu diterima hakikat ialah semua jenis sekolah dan institusi pendidikan hendaklah tertakluk kepada dasar pendidikan kebangsaan. Semua jenis sekolah, sama ada yang dibiayai oleh kerajaan secara sepenuhnya atau sebahagiannya adalah terikat kepada segala peraturan peruntukan Akta dan dasar pendidikan yang diputuskan oleh kerajaan. Sungguhpun demikian, pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan telah menimbulkan pergolakan dan kontroversi yang hangat. Dong Jiao Zong dan Hua Tuan telah menentang usaha kerajaan ke arah memenuhi aspirasi negara mengenai konsep pendidikan kebangsaan.

Semangat kental dalam mempertahankan identiti dan status quo SRJK(C) dapat dilihat melalui bantahan mereka terhadap Kurikulum 3M, penggunaan bahasa kebangsaan dalam majlis rasmi sekolah serta Projek Sekolah Integrasi. Dari perspektif integrasi nasional, dasar dan rancangan pendidikan tersebut bertujuan menggalakkan perpaduan nasional serta membawa SRJK(C) ke dalam arus perdana pendidikan negara. Walau bagaimanapun, pemimpin SRJK(C), Dong Jiao Zong dan Hua Tuan sentiasa menghubungkaitkannya dengan usaha kerajaan untuk mengubah status quo SRJK(C) kepada SRK, selaras dengan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961.

Kurikulum 3M

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) atau lebih dikenali sebagai Kurikulum 3M¹ ialah satu rancangan pelajaran yang mementingkan kemahiran membaca, menulis dan mengira di kalangan murid-murid sekolah rendah. Kurikulum 3M ini adalah digubal dengan berdasarkan kepada Perakuan 2a Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 yang mengesyorkan bahawa “Kementerian Pelajaran mengambil langkah-langkah tertentu supaya pendidikan di peringkat rendah bercorak pendidikan asas dengan memberi penegasan kepada pendidikan dalam bidang 3M iaitu membaca, menulis dan mengira”.² Selain itu, Kurikulum 3M juga bermatlamat untuk memenuhi kehendak Perakuan 55 Laporan Jawatankuasa Kabinet yang menekankan bahawa “Adalah diperakukan bahawa kurikulum sekolah rendah hendaklah dikaji semula supaya pendidikan yang diberi berkemampuan untuk memenuhi kehendak pendidikan bagi perkembangan individu yang menyeluruh yang merangkumi aspek-aspek pendidikan asas (membaca, menulis dan mengira) dan perkembangan bakat kanak-kanak”³

¹ Untuk keterangan lanjut, lihat Buku Panduan Am: Kurikulum Baru Sekolah Rendah, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, Julai 1982, Kurikulum Baru Sekolah Rendah: Matlamat, Rasional, Bidang Pelajaran dan Pembelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1981.

² Malaysia, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, Perakuan 2a.

³ Ibid., Perakuan 55.

Berdasarkan kepada kehendak-kehendak tersebut, Kementerian Pendidikan telah membuat kenyataan dasar mengenai pendekatan dan strategi baru berkaitan dengan kurikulum sekolah rendah. Mengikut kenyataan akhbar oleh Menteri Pendidikan Musa Hitam pada 8 Disember 1980, KBSR adalah bertujuan untuk memberi asas pendidikan yang kukuh terutama sekali dalam tiga kemahiran asas, iaitu membaca, menulis dan mengira (3M).⁴ Penggubalan KBSR adalah berdasarkan kurikulum yang sedia ada tidak memberi penekanan yang mencukupi kepada ketiga-tiga kemahiran asas. Oleh itu, peruntukan masa yang diberikan kepada bidang ini ialah sebanyak 77.2% daripada jumlah masa belajar keseluruhannya bagi Tahap I (Tahun 1-3) dan 64.6% bagi Tahap II (Tahun 4-6).⁵ Satu percubaan atau perintisan Kurikulum 3M telah dimulakan sejak awal tahun 1982 di 302 buah sekolah rendah yang terdiri daripada ketiga-tiga jenis aliran bahasa pengantar di seluruh negara dan pelaksanaan sepenuhnya mulai tahun 1983.⁶

Inilah kali pertama kurikulum sekolah rendah diubah sejak kemerdekaan. Perancangan Kurikulum 3M ini telah dibuat dengan teliti. Pendapat-pendapat dari semua pihak terutamanya para pendidik, wakil persatuan guru, para professional, ibu bapa dan wakil-wakil dari semua golongan masyarakat telah diterima dan ditimbangkan semasa menggubal Kurikulum 3M ini. Satu perkara yang harus

⁴ Kenyataan Akhbar Menteri Pelajaran Malaysia Datuk Musa Hitam pada 8 Disember 1980.

⁵ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 1, 9 Mac 1982, hlm.92.

⁶ Daripada jumlah itu, 62 adalah SRJK(C) dan 29 lagi adalah SRJK(T).

ditegaskan ialah pelaksanaan sistem 3M ini adalah satu perubahan kurikulum yang tidak ada kena-mengena dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Sebaliknya Kurikulum 3M hanya bersangkut paut dengan perubahan pedagogi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ini bermakna sistem persekolahan peringkat rendah yang sedia ada yang menggunakan tiga bahasa pengantar yang berlainan diteruskan, sebagaimana yang diperakukan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet.⁷ Dengan kata lain, bahasa pengantar Kurikulum 3M tetap tidak berubah, iaitu bahasa kebangsaan di SK/SRK, bahasa Cina di SRJK(C) dan bahasa Tamil di SRJK(T).

Semenjak Kurikulum 3M berkemundang di udara dan terpampang di akhbar-akhbar perdana negara, kita dapat masyarakat India pada keseluruhannya menyambut baik program itu. Sebagai contohnya, Presiden MIC Datuk Samy Vellu telah menyuarakan sokongan penuh partinya kepada Kurikulum 3M. Beliau begitu yakin pelaksanaan Kurikulum 3M ini tidak akan mengakibatkan perubahan status quo SRJK(T).⁸ Secara bandingannya, masyarakat Cina membantah keras program tersebut. Meskipun Kurikulum 3M tidak menyentuh langsung soal perubahan bahasa pengantar di sekolah, namun pemimpin Dong Jiao Zong, Hua

⁷ Perakuan 1 Laporan Jawatankuasa Kabinet menegaskan "Pada masa ini sekolah-sekolah menggunakan tiga bahasa pengantar. Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, SRJK(C) menggunakan bahasa Cina dan SRJK(T) pula menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar, Memandangkan keadaan sekarang ini, adalah diperakukan supaya sistem persekolahan peringkat rendah yang sedia ada diteruskan; lihat Malaysia, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, Perakuan 1.

⁸ Nanyang Siang Pau, 8 Januari 1982.

Tuan dan parti-parti politik Cina masih rasa amat curiga dan bimbang terhadap implikasi Kurikulum 3M ke atas status quo dan ciri-ciri SRJK(C) dan SRJK(T).

Semasa Kurikulum 3M masih di peringkat penerokaan idea dan perancangan strategi, Dong Jiao Zong telah menganjurkan satu seminar bagi membincangkan Kurikulum 3M pada 22 Mac 1981. Seminar yang dihadiri oleh perwakilan-perwakilan dari 101 buah Hua Tuan pada dasarnya menyokong Kurikulum 3M sebagai usaha untuk meninggikan kemahiran 3M di kalangan murid-murid berbilang kaum. Namun seminar itu mencapai kata sepakat terhadap bahasa pengantar Kurikulum 3M, iaitu “bahasa Cina harus dikekalkan sebagai bahasa pengantar yang utama dalam pengajaran, pembelajaran, peperiksaan dan pentadbiran di SRJK(C) supaya sifatnya sebagai sekolah rendah Cina tidak berubah”.⁹

Selain itu, seminar juga mengemukakan cadangan-cadangan kepada Kementerian Pendidikan untuk dipertimbangkan. Ini termasuklah jumlah peruntukan masa bagi mata pelajaran bahasa Cina haruslah lebih daripada masa yang diperuntukkan bagi bahasa-bahasa lain, iaitu tidak kurang daripada nisbah bahasa Cina dengan bahasa-bahasa lain. Di samping itu, mata pelajaran Bahasa Cina, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris harus mulai diajar pada Tahap

⁹ Fail GPGSCM/3M, Surat dari Lim Fong Seng, Pengurus PPLPSCM dan Tong Lee Poh, Setiausaha Agung GPGSCM kepada Datuk Musa Hitam, Menteri Pendidikan Malaysia, 23 Mac 1981, GPGSCM, Kuala Lumpur.

Pertama, serta usaha peningkatkan taraf pencapaian bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di SRJK(C).¹⁰

Dari segi kurikulum, seminar membantah penggunaan buku-buku teks terjemahan. Ini kerana penggunaan buku-buku teks terjemahan bukan sahaja mengetepikan faktor perbezaan dan ciri-ciri tersendiri sesuatu bahasa dari segi tatabahasa, struktur ayat, bunyi atau rima, dan gaya bahasa, tetapi juga perbezaan yang wujud di antara kaum dari segi agama, adat resam dan kebudayaan. Tindakan ini dikatakan boleh mencemar dan merosakkan ketulenan nilai kesenian sesuatu bahasa.¹¹

Seminar tersebut turut menyeru Kementerian Pendidikan agar mengambil berat tentang masalah kekurangan guru, bilik darjah dan kelengkapan alat-alat pengajaran dihadapi oleh SRJK(C) semasa pelaksanaan Kurikulum 3M. Layanan yang saksama dari segi perancangan latihan, penyelarasaran dan penambahan kemudahan sekolah harus diberikan kepada SRJK(C) bagi menjayakan Kurikulum 3M.¹²

Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan yang terkandung dalam memorandumnya langsung tidak dipertimbangkan oleh

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid.

¹² Ibid.

Kementerian Pendidikan. Malahan kontroversi Kurikulum 3M ini bertambah hebat apabila Menteri Pendidikan Datuk Dr. Sulaiman Daud mengumumkan bahawa semua bahan Kurikulum 3M adalah disediakan dalam bahasa kebangsaan, kecuali mata pelajaran bahasa. Sementara semua buku teks di SRJK(C) adalah ditulis dalam bahasa kebangsaan melainkan mata pelajaran Bahasa Cina dan Matematik yang ditulis dalam bahasa Cina. Ini termasuklah Sukatan Pelajaran, Buku Panduan Am, Buku Panduan Khas dan Buku Sumber bagi mata pelajaran Pendidikan Seni, Pendidikan Muzik, Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Moral adalah disediakan dalam bahasa kebangsaan, kecuali mata pelajaran Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris. Berkennaan dengan bahan untuk mata pelajaran Muzik pula, pihak Kementerian Pendidikan mencadangkan sejumlah 36 buah lagu bersenikata bahasa kebangsaan digunakan di semua jenis sekolah rendah. Bagi SRJK(C) dan SRJK(T), 18 dari lagu ini senikatanya dalam bahasa kebangsaan dan 18 yang lain adalah terjemahan daripada bahasa kebangsaan ke dalam bahasa pengantar sekolah berkenaan.¹³

Butir-butir Kurikulum 3M yang diumumkan itu dianggap amat bertentangan dengan kehendak dan hasrat masyarakat Cina. Dong Jiao Zong dan Hua Tuan mendakwa cadangan Kementerian Pendidikan itu merupakan titik tolak kepada perubahan bahasa pengantar SRJK(C) dan SRJK(T). Pandangan ini dirumuskan dengan berdasarkan kepada dua aspek, iaitu ketiadaan bahan-bahan

¹³ Kenyataan Akhbar Menteri Pelajaran Datuk Dr. Sulaiman Bin Hj. Daud, Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur, 30 Disember 1981.

panduan dan rujukan guru dalam bahasa Cina serta 50% lagu-lagu dalam Pendidikan Muzik adalah lagu Melayu dan selebihnya adalah lagu-lagu Melayu yang diterjemahkan ke dalam bahasa Cina. Mereka berasa bimbang bahan-bahan panduan dan rujukan guru dalam bahasa kebangsaan seperti mata pelajaran Pendidikan Jasmani, Pendidikan Seni, Pendidikan Muzik dan Pendidikan Moral akhirnya akan diajar dalam bahasa kebangsaan, sekiranya guru-guru mendapati mereka tidak dapat mengatasi masalah terjemahan. Lantaran itu, SRJK(C) dan SRJK(T) akan perlahan-lahan dijadikan SRK, iaitu semua mata pelajaran adalah dalam bahasa pengantar bahasa kebangsaan kecuali Bahasa Cina dan Matematik. Mereka juga mengecam lagu-lagu yang diterjemahkan tidak dapat mencerminkan kebudayaan Cina dan tuntutan asal yang timbul daripada lagu-lagu Cina itu.¹⁴

Akibat daripada kedua-dua faktor ini, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan membuat rumusan bahawa Kurikulum 3M adalah suatu muslihat tersembunyi Kementerian Pendidikan untuk mengalihbahasakan SRJK(C) dan SRJK(T) ke SRK. Dengan latar belakang bahan rujukan dan panduan guru serta lagu-lagu terjemahan dalam Kurikulum 3M ini, Lim Fong Seng menyatakan kebimbangannya:

“... if the 3R System as has been recently revealed were to be implemented in the Chinese primary schools, it will mean bringing an end to the existing Chinese primary schools and subsequently the traditional Chinese culture as taught to the children through the teaching contents of the existing texts.”¹⁵

¹⁴ Kenyataan Dong Jiao Zong Mengenai Skim 3M, 4 Januari 1982.

¹⁵ Leong Soo Yong, Chinese reaction over 3R system, National Echo, 4 Januari 1982.

Tuduhan Dong Jiao Zong terhadap Kurikulum 3M dengan segera mendapat reaksi yang senada daripada parti-parti politik yang mewakili masyarakat Cina, baik DAP dari pihak pembangkang maupun MCA dan Gerakan dari pihak kerajaan BN sendiri. Dalam hal ini, Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang mengatakan kebimbangan partinya terhadap pertukaran ciri SRJK(C) dan SRJK(T) di bawah Kurikulum 3M. Katanya, “*The DAP is convinced more than ever that the 3R implementation in Chinese and Tamil primary schools represent a grave threat to their present character and integrity.*”¹⁶

Parti MCA juga menyatakan rasa tidak puas hati dan kecewa terhadap cadangan pelaksanaan Kurikulum 3M. Presiden MCA, Datuk Lee San Choon menyelas skim itu merupakan satu penyelewengan daripada Perakuan 1 Laporan Jawatankuasa Kabinet yang menegaskan bahawa sistem persekolahan peringkat rendah yang sedia ada diteruskan. Malahan beliau menuduh Kurikulum 3M merupakan satu penghinaan kepada partinya. Justeru itu, beliau secara keras bersumpah partinya berazam akan jatuh dan bangun serta tenggelam dan timbul bersama-sama dengan sekolah rendah Cina.¹⁷

Kenyataan Lee San Choon itu telah mendatangkan kritikan keras daripada UMNO. Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Datuk Embong Yahya menyifatkan

¹⁶ National Echo, 9 January 1982.

¹⁷ Utusan Malaysia, 13 Januari 1982.

tuduhan itu melulu dan boleh merebakkan perpecahan di kalangan parti komponen BN mengenai isu Kurikulum 3M.¹⁸ Pada masa yang sama, Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam menasihatkan semua parti komponen BN supaya mendekati Kurikulum 3M secara positif. Malah beliau mengalu-alukan kritik membina dan maklum balas mengenai Kurikulum 3M dari mana-mana parti komponen BN serta golongan-golongan pendidik dan guru. Selain itu, Datuk Musa Hitam menjamin bahawa bahasa pengantar dalam semua sekolah rendah tidak akan bertukar di bawah Kurikulum 3M.¹⁹

Satu kemauafakatan mengenai empat tuntutan utama Kurikulum 3M telah dicapai di antara Dong Jiao Zong dengan MCA, DAP, Gerakan dan Hua Tuan bagi menjamin identiti SRJK(C) terus dikenalkan.²⁰ Pertama, semua bahan pengajaran dan rujukan bagi SRJK(C) hendaklah disediakan dalam bahasa Cina, kecuali mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Kedua, bahasa Cina harus digunakan sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran, pembelajaran serta peperiksaan bagi semua mata pelajaran kecuali Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Ketiga, mata pelajaran Kemanusiaan dan Alam Sekitar, Pendidikan Moral dan Pendidikan Muzik bagi SRJK (C) harus mencerminkan ciri-ciri tradisional dan kebudayaan masyarakat Cina di Malaysia. Keempat pula ialah

¹⁸ Ibid., 14 Januari 1982.

¹⁹ Ibid., 13 Januari 1982.

²⁰ Kenyataan Bersama Dong Jiao Zong dan MCA, 4 Januari 1982; Kenyataan Bersama Dong Jiao Zong dan Gerakan, 5 Januari 1982; Kenyataan Bersama Dong Jiao Zong dan DAP, 5 Januari 1982; Kenyataan Bersama Dong Jiao Zong dan Gabungan Dewan-Dewan Perhimpunan Cina Malaysia, 13 Februari 1982.

peruntukan masa bagi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris ditambahkan.²¹

Sungguhpun Kurikulum 3M menerima bantahan kuat daripada masyarakat Cina, Kementerian Pendidikan masih teguh untuk meneruskan pelaksanaannya. Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Suhaimi Kamaruddin menyatakan bahawa kementeriannya tidak akan bertolak ansur kerana Kurikulum 3M adalah soal dasar yang sudah pun dipersetujui oleh kabinet.²² Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad juga mengcam golongan-golongan penentang kerana memperguna Kurikulum 3M untuk menimbulkan rasa tidak puas hati serta tidak senang di kalangan masyarakat Cina. Katanya, “*I would like to remind them that there are certain things which are sensitive to not only the Malays but the Chinese and Indian as well*”.²³ Tambah beliau lagi, “*The Government had no intention and had made no effort to convert national-type schools into national schools and would not change the medium of instruction*”²⁴.

²¹ Memorandum Mengenai Skim 3M, Memorandum dikemukakan kepada Datuk Musa Hitam, Menteri Pendidikan Malaysia, Perwakilan Sekolah-Sekolah Cina Malaysia, Kuala Lumpur, 14 Jun 1981; Kenyataan Bersama Dong Jiao Zong, 15 Januari 1982; Kenyataan Bersama Dong Jiao Zong, 21 Januari 1982; Kenyataan Bersama Dong Jiao Zong, 26 Januari 1982; dan Kenyataan Bersama Dong Jiao Zong Mengenai Empat Tuntutan Utama Skim 3M, 14 Februari 1982; Fail GPGSCM/3M, Surat dari Tong Lee Poh, Setiausaha Agung GPGSCM, kepada Timbalan Menteri Pelajaran Dr. Tan Tiong Hong, 7 Jun 1982, GPGSCM, Kuala Lumpur.

²² Utusan Zaman, 10 Januari 1982.

²³ New Straits Times, 24 Januari 1982.

²⁴ Ibid.

Selain itu, Menteri Pendidikan Dr. Sulaiman Daud juga dengan tegasnya menolak dakwaan kononnya kerajaan merancang untuk mengguna Kurikulum 3M bagi menukar corak SRJK(C) dan SRJK(T) dengan menukar bahasa pengantar sekolah secara beransur-ansur kepada bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di kedua-dua jenis sekolah ini.²⁵ Sungguhpun demikian, Dong Jiao Zong masih menolak Kurikulum 3M. Malah kemelut Kurikulum 3M ini telah menjalar ke tuntutan supaya peruntukan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 dimansuhkan.²⁶ Dalam hal ini, Ibrahim Saad secara terus terang membidas golongan yang menentang Kurikulum 3M ini adalah sebenarnya bermotifkan pemansuhan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961.²⁷

Walau bagaimanapun, tuntutan masyarakat Cina terutamanya berhubung lagu-lagu Pendidikan Muzik serta bahan panduan dan rujukan guru telah menimbulkan pelbagai reaksi. Sebenarnya, lagu-lagu Kurikulum 3M dalam bahasa kebangsaan adalah bertujuan untuk membantu mengukuhkan penguasaan bahasa kebangsaan di kalangan murid-murid SRJK(C) dan SRJK(T).²⁸ Akan tetapi usaha baik Kementerian Pendidikan telah disalahtafsirkan sebagai suatu langkah untuk mengalihbahasakan SRJK(C) dan SRJK(T). Dr. Ibrahim Saad mengcam bantahan masyarakat Cina terhadap kandungan Pendidikan Muzik sebagai

²⁵ Kenyataan akhbar Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Bin Haji Daud, Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur, 7 Januari 1982.

²⁶ Kenyataan Bersama Dong Jiao Zong, 8 Januari 1982.

²⁷ Utusan Malaysia, 23 Januari 1982.

²⁸ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil.1, 9 Mac 1982, hlm.52.

melanggar Penyata Razak 1956, iaitu satu kurikulum yang berorientasi Malaysia bagi semua sekolah.²⁹ Kecaman dibuat berdasarkan mereka masih mahu SRJK(C) bersifat seperti sekolah Cina di negara China dengan tuntutan lagu-lagu Kurikulum 3M yang terdapat di tempat asal mereka.

Sejak tahun 1970, adalah menjadi amalan biasa Kementerian Pendidikan menyediakan bahan panduan dan rujukan untuk guru dalam bahasa kebangsaan. Di bawah Kurikulum 3M, satu perkara yang perlu ditegaskan ialah penggubalan bahan-bahan panduan dan rujukan guru adalah dibuat dengan penyertaan guru-guru dari semua jenis sekolah termasuk SRJK(C) dan SRJK(T).³⁰ Tambahan pula, Kementerian Pendidikan memang tidak menghalang usaha mana-mana pihak untuk menterjemahkan bahan-bahan ini ke dalam bahasa Cina ataupun bahasa Tamil.³¹ Namun Dong Jiao Zong dan Hua Tuan masih mendesak Kementerian Pendidikan menyediakannya mengikut bahasa pengantar sekolah. Tuntutan tersebut jelas bertentangan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Ahli akademik, Awang Sariyan menyifatkan bantahan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan sebagai sikap tidak ikhlas terhadap pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berteraskan bahasa kebangsaan.³²

²⁹ Utusan Malaysia, 23 Januari 1982.

³⁰ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen:Dewan Rakyat, Parliment Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil.1, 9 Mac 1982, hlm.51.

³¹ Ibid., hlm.80.

³² Awang Sariyan, Isu-Isu Bahasa Malaysia, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1984, hlm.226.

Dalam hal ini, Menteri Pendidikan Datuk Dr. Sulaiman Daud menyatakan bahawa kebolehan guru-guru SRJK(C) untuk memahami dan melaksanakan idea-idea yang tercatat dalam buku panduan dan rujukan adalah tidak disangskan memandangkan kursus perguruan mereka adalah dikendalikan dalam bahasa kebangsaan.³³ Akan tetapi, Lim Fong Seng, Pengurus PPLPSCM tidak bersetuju dengan pandangan ini. Beliau menegaskan bahawa “anggapannya ialah guru-guru adalah mempunyai kemahiran yang tinggi di dalam kedua-dua bahasa Cina dan Bahasa Malaysia...tidak selalunya benar”.³⁴ Beliau dengan nada yang penuh curiga menganggap penggunaan bahasa kebangsaan dalam bahan panduan mengajar sebagai merampas hak guru Cina menggunakan bahan rujukan dalam bahasa Cina dan selanjutnya sebagai alasan supaya akhirnya bahasa kebangsaan digunakan sebagai bahasa pengantar di SRJK(C).³⁵

Pendirian ini mendapat sokongan daripada pemimpin Aliran. Mereka mempertikaikan bahawa “*If the intention is to retain Chinese and Tamil as media of instruction in primary schools, then it follows logically that teaching aids should also be prepared in those languages. Such an approach would make sense from an educational point of view.*”³⁶

³³ Kenyataan Akhbar Menteri Pelajaran Datuk Dr. Sulaiman Bin Hj. Daud, Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur, 7 Januari 1982.

³⁴ Ibrahim Saad, Dari Pedagogi ke Politik, hlm.261.

³⁵ Awang Sariyan, Isu-Isu Bahasa Malaysia, hlm.227.

³⁶ National Echo, 13 January 1982.

Akhirnya, atas desakan Dong Jiao Zong, Hua Tuan dan parti-parti politik Cina, Kementerian Pendidikan membuat pengubahsuaian ke atas Kurikulum 3M. Kementerian Pendidikan berkompromi dengan tuntutan mereka terutamanya bersabit dengan bahan pengajaran murid, kandungan Pendidikan Muzik dan Pendidikan Moral. Menteri Pendidikan Dr. Sulaiman Daud memberi jaminan bahawa kesemua bahan murid yang terdiri daripada buku teks bagi mata pelajaran Matematik dan Agama Islam, bahan bacaan dan contoh-contoh bahan pembelajaran yang terkandung di dalam kit pelajaran adalah disediakan dalam bahasa pengantar sekolah, iaitu bahasa kebangsaan bagi SK dan SRK, bahasa Cina bagi SRJK(C) dan bahasa Tamil bagi SRJK(T).³⁷

Berhubung dengan program Muzik pula, Kementerian Pendidikan telah menyediakan sejumlah 36 buah lagu bersenikatakan bahasa kebangsaan untuk semua jenis sekolah rendah. Di SK/SRK, kesemua lagu dalam dalam bahasa kebangsaan. Manakala di SRJK(C) dan SRJK(T), 18 dari lagu-lagu ini senikatanya dalam bahasa kebangsaan dan 18 yang lainnya dalam bahasa pengantar sekolah. Sementara bagi Pendidikan Moral, 12 unsur nilai universal yang sesuai seperti kejujuran, sikap sederhana dan hormat menghormati telah dipilih sebagai isi kandungan mata pelajaran tersebut.³⁸

³⁷ Kenyataan Akhbar Menteri Pelajaran Datuk Dr. Sulaiman Bin Hj. Daud, Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur, 7 Januari 1982.

³⁸ Ibid.

Akan tetapi, pendirian Kementerian Pendidikan untuk menyediakan bahan-bahan guru dalam bahasa kebangsaan, melainkan mata pelajaran Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris tetap tidak berganjak. Dua alasan telah diberikan oleh Menteri Pendidikan Dr. Sulaiman Daud. Pertama, kursus perguruan bagi guru-guru SRJK adalah dikendalikan dalam bahasa kebangsaan. Oleh itu kebolehan guru-guru ini memahami dan melaksanakan idea-idea yang terdapat dalam bahan panduan dan rujukan tidak disanggiskan. Kedua, sejak tahun 1970 lagi segala arahan dan bahan rujukan, bahan mengajar dan sebagainya untuk keperluan semua sekolah rendah termasuk SRJK telah ditulis dalam bahasa kebangsaan. Oleh itu guru-guru SRJK telah biasa dengan buku-buku rujukan dalam bahasa kebangsaan.³⁹ Sungguhpun demikian, Kementerian Pendidikan berjanji akan menterjemahkan buku-buku panduan dan buku sumber untuk guru-guru yang asalnya ditulis dalam bahasa kebangsaan ke dalam bahasa Cina.⁴⁰

Seterusnya pada 12 Mac 1982, Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Chan Siang Sun pula mengumumkan bahawa Kementerian Pendidikan telah bersetuju pantun-pantun Melayu digantikan dengan puisi Cina bagi SRJK(C) yang melaksanakan Kurikulum 3M. SRJK(C) juga dibenarkan memilih lagu-lagu secara bebas, iaitu pilih 28 daripada 36 lagu Cina dan 18 lagu Melayu yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.⁴¹ Beliau menambah lagi bahawa alat-

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Utusan Malaysia, 13 Mac 1982.

⁴¹ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil.4, 12 Mac 1982, hlm. 516.

alat bantuan mengajar yang digunakan sebagai bahan pelajaran murid adalah ditulis dalam Bahasa Cina. Selain itu, kandungan sukanan pelajaran yang seragam bagi kurikulum 3M dengan bahan-bahan pengajaran yang disusun itu mencerminkan nilai dan ciri-ciri komuniti Cina.⁴²

Jelasnya, tuntutan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap Kurikulum 3M pada keseluruhannya telah mencapai matlamatnya, kecuali tuntutan bahan rujukan dan panduan guru disediakan dalam bahasa pengantar sekolah serta tuntutan peruntukan masa bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Dong Jiao Zong dan Hua Tuan mencadangkan masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SRJK adalah 60 minit seminggu pada Tahap I (Tahun 1 dan 2), 120 minit (Tahun 3), dan 180 minit pada Tahap II (Tahun 4,5 dan 6).⁴³ Namun peruntukan masa KBSR yang sebenar ialah mata pelajaran Bahasa Inggeris hanya mula diajar pada Tahun 3 (60 minit), Tahun 4 (90 minit), Tahun 5 (90 minit) dan Tahun 6 (90 minit).⁴⁴

Dong Jiao Zong dan Hua Tuan memberi sambutan baik terhadap perubahan-perubahan Kurikulum 3M yang dilakukan oleh Kementerian

⁴² Utusan Malaysia, 13 Mac 1982. Untuk keterangan lanjutnya, lihat Skim 3M: Soalan dan Jawapan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1982; Skim 3M: Jawapan Perdana Menteri di Parlimen, Kementerian Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur, 1982; Berita KBSR, Jilid I, Bil.1, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kuala Lumpur, Jun 1982.

⁴³ Fail GPGSCM/3M, Surat dari Lim Fong Seng, Pengurus PPLPSCM dan Tong Lee Poh, Setiausaha Agung GPGSCM kepada Datuk Musa Hitam, Menteri Pendidikan Malaysia, 11 Mac 1981, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁴⁴ KP (BS) 8591/Jld. VIII (68), Surat Pekelingking Ikhtisas Bil. 7/1994: Peruntukan Masa KBSR Bagi Seminggu dan Jadual Pelaksanaan Mata-Mata Pelajaran KBSR, 22 Oktober 1994.

Pendidikan. Ini kerana bahan panduan dan rujukan guru serta bahan Pendidikan Muzik⁴⁵ dan Pendidikan Moral yang dianggap boleh membawa kepada pertukaran identiti SRJK(C) dan SRJK(T) telah dihapuskan.⁴⁶ Walau bagaimanapun, pelaksanaan Kurikulum 3M di SRJK(C) sentiasa menghadapi masalah-masalah terutamanya berkaitan dengan kekurangan guru, keupayaan guru, kekurangan peruntukan kewangan, bebanan berat guru-guru KBSR dan bilangan murid yang besar dalam setiap kelas.

Kesimpulannya, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan telah bersatu dengan DAP, Gerakan dan MCA menentang usaha Kementerian Pendidikan untuk mengintegrasikan SRJK(C) ke dalam sistem pendidikan kebangsaan melalui Kurikulum 3M. Mereka menentang keras konsep dan pelaksanaan Kurikulum 3M

⁴⁵ Untuk keterangan lanjut mengenai Pendidikan Muzik di SRJK(C) dan SRJK(T), lihat Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Panduan Khas Muzik Tahun Satu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Panduan Khas Muzik Tahun Dua, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Panduan Khas Muzik Tahun Tiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Lagu Tahun Satu Untuk Semua Sekolah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Lagu Tahun Dua Untuk Semua Sekolah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Lagu Tahun Tiga Untuk Semua Sekolah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Lagu Tahun Satu Untuk SRJK(Cina), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Lagu Tahun Dua Untuk SRJK(Cina), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Lagu Tahun Tiga Untuk SRJK(Cina), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Lagu Tahun Satu Untuk SRJK(Tamil), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Lagu Tahun Dua Untuk SRJK(Tamil), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Lagu Tahun Tiga Untuk SRJK(Tamil), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Panduan Khas Pendidikan Muzik KBSR Tahun 4, Anthonian Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1984; Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Panduan Khas Pendidikan Muzik Tahun 6, The Times Packaging Co. Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986.

⁴⁶ Temuramah dengan Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM, di Pejabat GPGSCM, Kuala Lumpur pada 3 Disember 1999.

sehingga Kementerian Pendidikan membuat pengubahsuaian mengikut kehendak mereka.

Bantahan mereka adalah didasarkan pada rasa takut dan bimbang akan kehilangan identiti SRJK(C). Mereka sentiasa dibayangi oleh peruntukan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961. Biarpun berkali-kali Menteri Pendidikan dan Perdana Menteri menegaskan bahawa penggunaan bahasa pengantar Cina tidak diganggu-gugat, namun mereka tetap menyuarakan bantahan keras terhadap Kurikulum 3M. Akhirnya Kementerian Pendidikan bertolak ansur dengan membuat perubahan kepada Kurikulum 3M terutamanya berkaitan dengan bahan rujukan dan panduan serta kandungan Pendidikan Muzik dan Pendidikan Moral.

Bahasa Pengantar Majlis Rasmi Sekolah

Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara adalah tanggungjawab setiap rakyat Malaysia. Malah penggunaannya dalam sistem pendidikan telah diterima oleh semua masyarakat di negara ini sejak kemerdekaan. Selaras dengan semangat Dasar Pendidikan Kebangsaan, adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan di semua sekolah termasuk SRJK(C) dan SRJK(T), di samping bahasa ibunda masing-masing.

Namun demikian, usaha ini telah dipersoalkan dan mencetuskan kontroversi apabila Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan mengarahkan semua sekolah rendah dan menengah di Wilayah Persekutuan menggunakan bahasa kebangsaan dalam semua perhimpunan dan upacara rasmi sekolah. Arahan ini serta merta dilabelkan oleh Dong Jiao Zong dan Hua Tuan sebagai satu percubaan untuk mengalihbahasakan SRJK(C) ke dalam bahasa kebangsaan.

Surat pekeliling yang ditandatangani oleh Timbalan Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan, Zainal Abidin Bahaudin pada 10 Oktober 1984 mengarahkan “semua perhimpunan yang diadakan oleh pihak sekolah seperti perhimpunan Mingguan, Hari Ucapan, Hari Sukan dan lain-lain hendaklah dijalankan dalam Bahasa Malaysia”⁴⁷. Tujuan utama arahan dalam pekeliling tersebut adalah semata-mata untuk menggalakkan sekolah termasuk SRJK(C) dan SRJK(T) menggunakan bahasa kebangsaan dalam majlis rasmi sekolah.

Usaha baik ini telah mendapat sokongan kuat daripada Menteri Pendidikan Abdullah Ahmad Badawi. Semasa diminta mengulas arahan dalam pekeliling itu, beliau menekankan bahawa “*it was not a question of being reasonable and fair but also the duty of every Malaysian to promote the use and learning of Bahasa Malaysia and to encourage its use and education*”.⁴⁸ Beliau rasa amat kesal ada setengah-setengah sekolah jenis kebangsaan tidak mempedulikan langsung

⁴⁷ JPWP.20/84, Surat Pekeliling Pentadbiran JPWP, 10 Oktober 1984, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

⁴⁸ New Straits Times, 8 November 1984.

penggunaan bahasa kebangsaan dalam majlis rasmi sekolah.⁴⁹ Oleh itu beliau menggesa semua guru besar, guru dan pelajar menggunakan bahasa kebangsaan dalam majlis perhimpunan yang dihadiri oleh tetamu-tetamu bukan Cina.⁵⁰

Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung pula melemparkan kecaman kepada Dong Jiao Zong dan Hua Tuan kerana cuba memupuk fahaman melampau serta tidak menerima bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan. Setiausaha, Abdul Razak Abdul Malik menasihati mereka supaya memikirkan nilai-nilai positif yang cuba dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan di peringkat awal pendidikan dengan menyelitkan unsur-unsur ke arah perpaduan negara.⁵¹ Sementara Ketua Satu Gabungan Penulis Nasional Profesor Ismail Hussein juga menuduh SRJK(C) yang tidak langsung memperdulikan bahasa kebangsaan terutama di majlis rasmi sekolah. Katanya, perkara ini tidak sepatutnya berlaku di sekolah-sekolah yang menerima bantuan kerajaan.⁵²

Sebenarnya surat pekeliling itu hanya bertujuan untuk mengingatkan supaya menggunakan bahasa kebangsaan terutama dalam majlis rasmi sekolah.

⁴⁹ Berita Harian, 8 November 1984.

⁵⁰ Joint Statement by the UCSCAM, UCSTAM, The Selangor Chinese Assembly Hall, Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia, The Federation of Kwang Tung Association Malaysia, The Federation of Kheng Chew Hwee Kuan of Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Teochew Malaysia, All Malaysia Kwangsi Association, Persekutuan Persatuan-Persatuan Siswazah-Siswazah Universiti Taiwan Malaysia, Nanyang University Alumni Association of Malaysia, 9 November 1984.

⁵¹ Berita Harian, 9 November 1984.

⁵² Ibid.

Namun demikian, pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan meninjau arahan dalam pekeliling itu mempersoal dan mengakuisi kedudukan bahasa ibunda di SRJK(C) dan SRJK(T). Mereka menyifatkan arahan tersebut sebagai suatu agenda tersembuyi yang bertujuan untuk mengubah ciri-ciri SRJK(C).⁵³ Dalam hal ini, Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang telah memberi amaran tegas kepada pemimpin-pemimpin SRJK(C) bahawa:

“If it could be established that Chinese and Tamil could not be used in school functions, then it is very short step to demanding that the Chinese and Tamil should not be used as medium of instruction and the closure of Chinese and Tamil primary schools.”⁵⁴

Sehubungan itu, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan bertegas bahawa masyarakat Cina tidak ada sebarang kompromi tentang ciri-ciri SRJK yang bahasa pengantarnya mesti digunakan dalam semua aspek pengurusan dan pentadbiran sekolah. Ini merangkumi bahasa pengantar pengajaran dan pembelajaran, bahasa peperiksaan dan pentadbiran serta bahasa perhimpunan.⁵⁵ Oleh itu, Dong Jiao Zong menggesa Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan menarik balik Surat

⁵³ Fail GPGSCM/JPWP.20/84, Surat dari Soo Thien Ming, Setiausaha Kehormat PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada Menteri Pelajaran Datuk Abdullah Badawi, 8 November 1984, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁵⁴ Lim Kit Siang, Malaysia:Crisis of Identity, DAP, Kuala Lumpur, 1986, hlm.148.

⁵⁵ Fail GPGSCM/JPWP.20/84, Surat dari Soo Thien Ming, Setiausaha Kehormat PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pendidikan Malaysia, 8 November 1984, GPGSCM, Kuala Lumpur; Joint Press Statement by Soo Thien Ming, UCSCAM Secretary-General and Loot Ting Yee, UCSTAM Vive-Chairman, 12 November 1984; Kenyataan Bersama PPLPSCM dan GPGSCM, 3 November 1984.

Pekeliling tersebut. Mereka percaya dan yakin “polisi satu bahasa, satu budaya yang diamalkan oleh kerajaan tidak akan mencapai matlamat mendirikan sebuah negara bersatupadu, sebaliknya ia telah menyebabkan polarisasi kaum di negara ini”.⁵⁶

Satu delegasi Dong Jiao Zong juga dihantar untuk mengadakan pertemuan dengan Zainal Abidin Bahaudin bagi mendapat penjelasan lanjut tentang arahan itu. Mereka diberitahu bahawa arahan tersebut tidak berkaitan langsung dengan SRJK(C) dan SRJK(T). Malah Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan bersetuju untuk mengeluarkan satu lagi surat pekeliling kepada guru-guru besar di SRJK(C) dan SRJK(T) untuk membetulkan kesalahfahaman yang timbul.⁵⁷

Akan tetapi, sebelum surat pekeliling baru dikeluarkan, Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan Datuk Mohd. Hussein Ahmad telah memberi arahan lanjutan melalui Surat Pekeliling bertarikh 27 Oktober 1984 seperti berikut:

⁵⁶ Fail GPGSCM/JPWP.20/84, Surat dari Lim Fong Seng, Pengurus PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada Pengarah Pelajaran, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, 12 Oktober 1984, GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/JPWP.20/84, Surat dari Tuang Pik King, Pengurus Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur kepada Mohd Hussein Ahmad, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan, 24 Oktober 1984, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁵⁷ Fail GPGSCM/JPWP.20/84, Surat dari Lim Fong Seng, Pengurus PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada Timbalan Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan, En. Zainal Abidin Bahaudin, 16 Oktober 1984, GPGSCM, Kuala Lumpur; lihat juga Fail GPGSCM/JPWP.20/84, Surat Terbuka Dong Jiao Zong kepada Para Ibu Bapa Murid-Murid SRJK(C), t.t..

“...Sekiranya Guru Besar ingin meneruskan ucapan dengan menggunakan bahasa pengantar sekolah, bolehlah ia memohon izin majlis berucap dalam bahasa yang berkenaan dengan syarat sebahagian besar daripada ucapannya itu adalah dalam Bahasa Malaysia...Ahli-ahli Lembaga Pengurus atau Pengerusi Persatuan Ibu Bapa/Guru atau ahli-ahlinya yang bukan guru, boleh dibenarkan berucap dalam bahasa pengantar sekolah dengan syarat mereka terlebih dahulu meminta izin daripada majlis.”⁵⁸

Susulan daripada surat pekeliling ini, Datuk Mohd. Hussein Ahmad memberi amaran tegas bahawa tindakan akan diambil terhadap guru-guru besar yang tidak mematuhi arahan-arahan yang terkandung di dalam surat-surat pekeliling tersebut.⁵⁹ Akan tetapi, beliau tidak memberi penjelasan lanjut tentang bentuk tindakan yang bakal diambil. Amaran ini adalah berdasarkan kepada hakikat bahawa guru besar atau pengetua adalah wakil Kementerian Pelajaran di sekolah dan dengan itu haruslah melaksanakan dasar bahasa rasmi negara ini.⁶⁰

⁵⁸ JPWP.21/84, Surat Pekeliling Pentadbiran JPWP, 27 Oktober 1984, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Dalam suratnya kepada Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur, Datuk Mohd. Hussein Ahmad menjelaskan Pekeliling JPWP 20/84 tidak sekali-kali menjelaskan kedudukan bahasa ibunda seperti termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Selain itu, beliau juga mencadangkan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur mengkaji keputusan Mahkamah Tinggi Persekutuan mengenai kes “Merdeka University Bhd. vs Government of Malaysia”; lihat JPWP 03-1212/Jld.II, Surat dari Datuk Mohd. Hussein Ahmad, Pengarah Pelajaran, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, kepada Pengerusi Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur, 26 Oktober 1984.

⁵⁹ Telegram kepada Datuk Mohd Hussein Ahmad, Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan oleh PPLPSCM, GPGSCM, DPCS, Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Kwang Tung Malaysia, Persekutuan Kheng Chew Hwee Kuan Malaysia, Persatuan Kwangsi Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Teo Chew Malaysia, Persatuan Alumni Universiti Nanyang Malaya, dan Persekutuan Persatuan-Persatuan Siswazah-Siswazah Universiti Taiwan Malaysia, 7 Disember 1984.

⁶⁰ JPWP.21/84, Surat Pekeliling Pentadbiran JPWP, 27 Oktober 1984, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Dong Jiao Zong dan Hua Tuan mengkritik keras Datuk Mohd Hussein. Mereka menyifatkan tindakan beliau sebagai suatu contoh buruk yang memperlihatkan sikap jabatan kerajaan yang berubah-ubah.⁶¹ Tambahan pula, dari sudut pandangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan, arahan lanjutan tersebut bukan sahaja tidak secocok dengan jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak akan mencuba mengubahkan ciri-ciri SRJK(C)⁶² tetapi juga menjelaskan hak-hak menggunakan bahasa ibunda dan juga hak-hak kemanusiaan kaum Cina dan kaum India di Malaysia".⁶³

Sebagai suatu bantahan, Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM telah mengadakan "Sit-In-Protest" di Bangunan Kementerian Pendidikan agar "*the offensive directive is withdrawn*".⁶⁴ Tindakan Loot Ting Yee mendapat sokongan Fan Yew Teng, Setiausaha Agung Parti Sosialis Demokratik. Beliau turut serta bersama-sama dengan Loot Ting Yee dan bersedia untuk melakukannya sehingga "*the matter is settled peacefully and with justice*".⁶⁵ Selain itu, Dong Jiao Zong juga berusaha bersama-sama dengan Lembaga Pengelola, Persatuan Ibu Bapa/Guru dan Persatuan-persatuan Murid-murid Tua SRJK(C) di Wilayah

⁶¹ Memorandum Bersama Lembaga Pengurus,Persatuan Ibu Bapa/Guru dan Persatuan Murid-Murid Tua Semua SRJK(C) Wilayah Persekutuan tentang Surat Pekeliling Pentadbiran JPWP.20/84 serta Surat Pekeliling Pentadbiran JPWP.21/84, dikemukakan kepada Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pendidikan Malaysia, 8 November 1984.

⁶² Ibid.

⁶³ Temuramah dengan Bock Tai Hee, Ketua Setiausaha Eksekutif PPLPSCM di Bangunan Dong Jiao Zong, Kajang pada 8 Disember 1999.

⁶⁴ Joint Statement by the UCSCAM & UCSTAM Concerning "Sit-In-Protest", tt.

⁶⁵ Press Statement by Fan Yew Teng, Secretary-General, Socialist Democratic Party, 8 November 1984.

Persekutuan dan Selangor menganjurkan perhimpunan bantahan di DPCS pada 8 November 1984. Perhimpunan tersebut memutuskan supaya satu memorandum dihantar kepada Kementerian Pendidikan untuk tindakan dan pertimbangan Menteri Pendidikan.⁶⁶

Selain itu, Dong Jiao Zong berusaha untuk mendapat bantuan daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia bagi menyelesaikan arahan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan tersebut. Sebagai hasil daripada pertemuan pada 10 November 1984, Tan Sri Dato' Murad Mohd. Noor, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia bersetuju untuk mengeluarkan surat pekeliling bagi menjelaskan arahan yang terkandung dalam Surat Pekeliling Pentadbiran JPWP.20/84 dan 21/84.

Melalui surat pekeliling bertarikh 10 November 1984, Tan Sri Dato' Murad Mohd. Noor mempertahankan Surat Pekeliling Pentadbiran JPWP.21/84 kerana ia bukan bertujuan untuk menyekat penggunaan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di SRJK(C) dan SRJK(T) atau pembelajaran bahasa ibunda di SK. Sebaliknya, beliau menegaskan pekeliling tersebut menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan. Oleh itu, SRJK(C) dan SRJK(T) adalah digalakkan untuk menggunakan bahasa kebangsaan seberapa banyak yang boleh di majlis perhimpunan rasmi seperti Hari Ucapan, Hari Pembukaan Sekolah

⁶⁶ Untuk keterangan lanjut, lihat Memorandum Bersama Lembaga Pengurus, Persatuan Ibu Bapa/Guru dan Persatuan Murid-Murid Tua Semua SRJK(C) Wilayah Persekutuan tentang Surat Pekeliling Pentadbiran JPWP.20/84 serta Surat Pekeliling Pentadbiran JPWP.21/84, dikemukakan kepada Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pendidikan Malaysia, 8 November 1984.

dan Hari Sukan yang menjemput tetamu-tetamu kenamaan dan pegawai-pegawai kerajaan turut hadir bersama.⁶⁷

Walau bagaimanapun, beliau mengumumkan bahawa Kementerian Pendidikan bersetuju untuk memberi kebenaran kepada guru besar yang tidak fasih dalam bahasa kebangsaan menggunakan bahasa pengantar dalam perhimpunan rasmi sekolah. Akan tetapi satu syarat dikenakan, iaitu guru besar itu dikehendaki memulakan ucapan dengan kata-kata aluan dalam bahasa kebangsaan terlebih dahulu sebelum meneruskan ucapan dalam bahasa pengantar sekolah itu. Di samping itu, guru besar itu juga dikehendaki menutup ucapannya dalam bahasa kebangsaan. Berhubung dengan majlis-majlis perhimpunan dan upacara-upacara bukan rasmi yang lain yang menjadi aktiviti biasa di SRJK(C) dan SRJK(T) pula, sekolah-sekolah adalah bebas untuk menggunakan bahasa pengantar masing-masing.⁶⁸

Surat pekeliling Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia ini telah meredakan keimbangan pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Mereka mengucapkan terima kasih atas jasa baik dan bantuan Tan Sri Dato' Murad Mohd. Noor dalam menyelesaikan kontroversi yang timbul.⁶⁹ Di samping itu, Dong Jiao Zong

⁶⁷ KPP/157/G, Surat Pekeliling Dari Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, 10 November 1984, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

⁶⁸ Ibid.

⁶⁹ Fail GPGSCM/JPWP.20/84, Surat dari Soo Thien Ming, Setiausaha Kehormat PPLPSCM kepada Tan Sri Dato' Hj. Murad Mohd. Noor, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, 12 November 1984, GPGSCM, Kuala Lumpur.

menyeru agar guru besar-guru besar SRJK(C) di Wilayah Persekutuan merujuk kepada Surat Pekeliling Pentadbiran KPP/157/G dalam urusan upacara rasmi sekolah. Mereka menekankan bahawa surat pekeliling tersebut “*has superseded directives in the circular JPWP.20/84 and the circular JPWP.21/84 issued by the Federal Territory Education Director*”.⁷⁰

Kesimpulannya, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan begitu kental dalam mempertahankan penggunaan bahasa pengantar dalam semua aspek pengurusan dan pentadbiran di SRJK(C). Mereka nampaknya tidak dapat menerima bahasa kebangsaan sebagai bahasa perantaraan di SRJK(C) dan SRJK(T) ke arah perpaduan nasional. Kementerian Pendidikan akhirnya berkompromi atas keengganan SRJK(C) mematuhi arahan untuk menggunakan bahasa kebangsaan dalam majlis rasmi sekolah. Kelonggaran telah diberikan kepada SRJK(C) untuk menggunakan bahasa pengantar dalam majlis rasmi sekolah sekiranya guru besar tidak fasih dalam bahasa kebangsaan. Bagi majlis dan upacara bukan rasmi sekolah pula, SRJK(C) tetap bebas menggunakan bahasa pengantar sekolah. Tegasnya, Kementerian Pendidikan sekali lagi bertolak ansur mengikut cita rasa Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Lantaran itu, hasrat dan aspirasi kebangsaan menjadi rumit kerana mereka tetap mahu mengekalkan SRJK(C) yang terasing daripada aliran perdana.

⁷⁰ Joint Press Statement by UCSCAM & UCSTAM, 12 November 1984.

Program Sekolah Integrasi

Program Sekolah Integrasi (PSI) merupakan suatu rancangan Kementerian Pendidikan bertujuan untuk memupuk perpaduan melalui pendidikan di kalangan murid-murid di peringkat sekolah rendah. Pada dasarnya, bentuk PSI yang dicadangkan itu adalah dilaksanakan dalam dua model. Model 1 terdiri daripada ketiga-tiga jenis aliran sekolah rendah [SK/SRK, SRJK(C) dan SRJK(T)] yang berada di dalam satu kawasan (*complex school*); manakala Model 2 terdiri daripada ketiga-tiga jenis aliran sekolah yang berhampiran (bukan dalam satu kawasan) yang membolehkan program ini dijalankan.

Dalam kenyataan Kementerian Pendidikan pada 5 Ogos 1985, Menteri Pendidikan Abdullah Ahmad Badawi telah menjelaskan empat matlamat PSI. Pertama, meningkatkan penyertaan murid dan guru dari ketiga-tiga jenis aliran sekolah rendah dalam kegiatan ko-kurikulum secara bersama. Kedua, meningkatkan pergaulan, kesefahaman, bekerjasama, tolong menolong dan toleransi antara sekolah berkenaan secara sedar dan terancang. Ketiga, PSI dapat menggalakkan penggunaan kemudahan dan peralatan ketiga-tiga jenis sekolah secara bersama dengan maksimum. Keempat, PSI juga bertujuan untuk mewujudkan kerjasama antara Persatuan-Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah-sekolah yang terbabit dalam kerja-kerja amal bagi kemajuan Sekolah Integrasi itu

serta meningkatkan penyertaan masyarakat tempatan bagi kemajuan persekolahan dan masa depan anak-anak mereka.⁷¹

Sebagai langkah permulaan, sebanyak 18 buah sekolah rendah pelbagai aliran dipilih di seluruh negara untuk menjadi projek perintis bagi menjayakan program ini.⁷² Untuk menentukan program ini berjalan dengan lancar, sekolah yang dipilih diminta menubuahkan sebuah badan penyelaras di peringkat sekolah. Ahli-ahli badan penyelaras itu terdiri daripada gabungan tenaga guru besar, guru penolong kanan serta guru-guru ketiga-tiga buah sekolah. Badan penyelaras itu bertanggungjawab merancang, menyelaras dan mengemukakan program kegiatan pendidikan yang dipersetujui. Mereka juga bertanggungjawab mengesan dan menilai program-program yang dijalankan serta mengemukakan permohonan

⁷¹ Teks Ucapan YB Datuk Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi, Menteri Pelajaran Malaysia di Persidangan Pengarah-Pengarah Pelajaran Negeri Ke-62 di Pulau Pinang pada 5hb. Ogos 1985 Jam 2.30 petang; Kenyataan Akhbar Bersama PPLPSCM dan GPGSCM Tentang PSI, 8 Ogos 1985; Loot Ting Yee, "Cong Huajiao lishi kan zhonghe xuexiao", (Meninjau PSI Dari Perspektif Sejarah Pendidikan Cina), Kertas Kerja Seminar PSI anjuran PPLPSCM dan GPGSCM di Hotel Federal Kuala Lumpur pada 3 November 1985.

⁷² Senarai SRJK(C) yang terpilih adalah: SRJK(C) Chong Cheng (Kulim, Kedah), SRJK(C) Keat Hwa (Alor Setar, Kedah), SRJK(C) Mak Mandin (Butterworth, Pulau Pinang), SRJK(C) Kepala Batas (Seberang Perai Utara, Pulau Pinang), SRJK(C) Choong Hua (Bidor, Perak), SRJK(C) Union (Taiping, Perak), SRJK(C) Yuk Chih (Kuala Selangor, Selangor), SRJK(C) Peng Ming (Kuala Langat, Selangor), SRJK(C) Chung Kok (Kuala Lumpur), SRJK(C) Kwong Hon (Kuala Lumpur), SRJK(C) Chung Hua (Tampin, Negeri Sembilan), SRJK(C) Min Shing (Labu, Negeri Sembilan), SRJK(C) Ayok Bin (Melaka), SRJK(C) Pay Hwa (Melaka), SRJK(C) Chong Eng (Kluang, Johor), SRJK(C) Masai (Johor Bahru, Johor), SRJK(C) Lurah Bilut (Bentong, Pahang), dan SRJK(C) Kuang Hwa (Kuantan, Pahang); lihat Dong Zong Sanian, (Dong Zong 30 Tahun), Jilid 3, PPLPSCM, Kuala Lumpur, 1987, hlm.751. Walau bagaimanapun, bilangan sekolah rendah yang terlibat dengan PSI kemudiannya bertambah kepada 61 buah, iaitu 22 buah SK/SRK, 21 buah SRJK(C) dan 18 buah SRJK(T), lihat Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Keenam, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil.11, 25 Mac 1986, hlm.1666.

bantuan kepada Jemaah Badan Pentadbir Sekolah dan PIBG dan badan-badan lain.⁷³

Bagaimanapun, PSI yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan telah menimbulkan reaksi yang berbeza-beza di kalangan rakyat Malaysia. Dari perspektif integrasi nasional, banyak pihak telah menyatakan sokongan padu kepada PSI. Misalnya, Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung cawangan Kepala Batas menyatakan keyakinannya terhadap PSI dalam menghapuskan masalah polarisasi kaum di negara ini. Wakilnya, Yahya Abdul Hamid mengingatkan masyarakat Cina dan India supaya tidak meragui niat baik kerajaan untuk mewujudkan PSI memandangkan program tersebut sekali-kali tidak bertujuan menghapuskan bahasa dan kebudayaan kaum lain. Lebih-lebih lagi PSI ini hanya dijalankan di luar bilik darjah melalui kegiatan ko-kurikulum yang memberi peluang kepada murid-murid untuk berkumpul, berbincang dan bertukar-tukar fikiran serta belajar kepakaran yang dimiliki oleh murid-murid lain.⁷⁴

Sementara itu, Pengurus Biro Kebudayaan Pemuda UMNO, Mazlan Idris juga yakin PSI dapat membantu membentuk perpaduan kaum di negara ini untuk jangka masa yang panjang. Lantaran itu, beliau menyeru pihak yang menentang program ini supaya mengkaji semula dasar ini demi kebaikan semua pihak untuk

⁷³ Bahagian Sekolah-Sekolah, Program Sekolah Integrasi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 28 Julai 1985.

⁷⁴ Berita Harian, 12 Disember 1985.

masa hadapan.⁷⁵ Selain itu, semasa membahaskan Belanjawan 1986 di sidang Dewan Rakyat, Ahli Parlimen UMNO bagi kawasan Tenggaroh, Khadri Sabran telah menyatakan sokongannya terhadap PSI. Beliau percaya program tersebut adalah amat sesuai untuk mengikis dan menghilangkan sentimen-sentimen primodial dan perkauman di negara ini.⁷⁶ Rencana Pengarang Utusan Malaysia yang disiarkan pada 7 Ogos 1985 telah menyatakan harapan agar PSI dapat membuka jalan ke arah mewujudkan satu sistem persekolahan yang membolehkan masyarakat berbagai kaum belajar di bawah satu bumbung dengan menggunakan bahasa perpaduan yang sama tanpa menafikan hak untuk mempelajari bahasa ibunda mereka.⁷⁷

Walau bagaimanapun PSI telah menimbulkan bantahan kuat dari komuniti Cina dan India. Majlis Guru-Guru Besar Sekolah-Sekolah Tamil Selangor tidak menyokong PSI kerana bimbang SRJK(T) akan hilang identiti dan aliran bahasa pengantarnya.⁷⁸ Dong Jiao Zong dan Hua Tuan pula mendakwa PSI mustahil merupakan suatu rancangan yang tersendiri. Sebaliknya mereka mengaitkan PSI dengan pendapat sarjana Melayu mengenai kewujudan SRJK(C) dan SRJK(T) sebagai punca polarisasi kaum di negara ini sebelum PSI diumumkan.

⁷⁵ Ibid., 13 Disember 1985.

⁷⁶ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen:Dewan Rakyat, Parlimen Keenam Penggal Kedua, Jilid III, Bil.39, 5 November 1985, hlm.6349.

⁷⁷ Utusan Malaysia, 7 Ogos 1985.

⁷⁸ Fail GPGSCM/PSI, Surat dari Radha Krisnan, Pengurus Biro Pelajaran Majlis Guru-Guru Besar Sekolah-Sekolah Tamil Selangor kepada Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia Dr Ling Liang Sik, 30 September 1985, GPGSCM, Kuala Lumpur.

Sebagai contohnya, Dr. Ibrahim Saad, Setiausaha Politik Menteri Pertanian pernah mengatakan bahawa ibu bapa-ibu bapa Cina menghantarkan anak-anak mereka ke SRJK(C) telah mengakibatkan polarisasi kaum.⁷⁹ Timbalan Naib Canselor UKM, Prof. Dr. Normaly Muslim pula berpendapat bahawa perasaan polarisasi kaum memang wujud di peringkat sekolah rendah. Oleh itu, beliau mencadangkan supaya kerajaan mengambil daya usaha membina sebuah sekolah besar untuk menempatkan tiga buah sekolah rendah yang berlainan bahasa pengantarnya di bawah satu bumbung bagi meluaskan proses pergaulan agar dapat menanam semangat mubabah dan berbaik-baik di antara satu sama lain.

Sementara Profesor Madya Dr. Amir Awang dari USM menegaskan bahawa wujudnya rakyat Malaysia yang berlainan sifat bahasanya menyebabkan usaha terhadap integrasi nasional itu terhalang. Dr. Zainal Abidin dari UM pula berkata bahawa ada perlunya menyekat perkembangan kebudayaan perkauman untuk memupuk perpaduan nasional.⁸⁰ Ringkasnya, para sarjana Melayu menganggap kewujudan SRJK(C) dan SRJK(T) sebagai punca utama polarisasi kaum di negara ini. Oleh itu, sekolah vernakular tersebut harus dihapuskan demi kepentingan perpaduan nasional.

⁷⁹ Fail GPGSCM/PSI, Surat dari Tuang Pik King, Pengurus Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur kepada Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pendidikan Malaysia, 18 September 1985, GPGSCM, Kuala Lumpur; Sin Chew Jit Poh, 7 Ogos 1984.

⁸⁰ Lim Fong Seng, “Cong Lilun jichu kan Zonghe Xuexiao jihua”, (Meninjau PSI Dari Perspektif Teori), Kertas Kerja Seminar PSI anjuran PPLPSCM dan GPGSCM di Hotel Federal Kuala Lumpur pada 3 November 1985.

Selain itu, kebimbangan dan kecurigaan Dong Jiao Zong tentang PSI juga adalah berpunca daripada perkembangan Kompleks Sekolah-Sekolah Teluk Sengat yang merupakan satu model Sekolah Integrasi yang mula dilaksanakan pada tahun 1985.⁸¹ Dari sudut pandangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan, model itu telah memperlihatkan tiga gejala utama yang menjelaskan ciri-ciri SRJK(C) dan SRJK(T). Pertama, bahasa Cina dan bahasa Tamil bukan sahaja tidak digunakan pada papan-papan tanda sekolah, darjah dan perpustakaan, malah tidak kelihatan buku-buku Cina dan Tamil di dalam perpustakaan. Kedua, bahasa Cina dan bahasa Tamil tidak digunakan dalam persidangan bersama pentadbir-pentadbir ketiga-ketiga jenis sekolah. Ketiga, semua kegiatan bersama pelajar adalah dijalankan dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama.⁸²

Dengan latar belakang pendapat sarjana Melayu dan pengalaman Kompleks Sekolah-Sekolah Teluk Sengat, Dong Jiao Zong telah merumuskan bahawa PSI boleh mendatangkan kesan negatif terhadap status quo SRJK(C). Ini

⁸¹ Kompleks Sekolah-Sekolah Teluk Sengat telah dirancang oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan projek ini telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan dalam bulan Mei 1980 dengan peruntukan RM 524,000. Ia terdiri daripada tiga buah sekolah rendah, iaitu SK Teluk Sengat, SRJK(C) Nan Ya dan SRJK(T) Ladang Teluk Sengat. Untuk keterangan lanjut tentang Kompleks Sekolah-Sekolah Teluk Sengat, lihat Li Yunxi, “Cong Nanya Zonghe xiaoxue kan Zonghe Xuexiao jihua”, (Sekolah Integrasi Teluk Sengat dan PSI), Kertas kerja Seminar PSI anjuran PPLPSCM & GPGSCM di Hotel Federal Kuala Lumpur pada 3 November 1985; Kompleks Sekolah-Sekolah Teluk Sengat, Kota Tinggi, Johor : Satu Cadangan, Pejabat Pelajaran Daerah Kota Tinggi, Johor, 1 Jun 1985.

⁸² Low Sik Thong, “Zhonghe xuexiao yantaohui zongjie”, (Rumusan Seminar PSI), Kertas Kerja Seminar PSI, anjuran PPLPSCM dan GPGSCM di Hotel Federal Kuala Lumpur pada 3 November 1985; lihat juga Memorandum Menentang Program Sekolah Integrasi, PPLPSCM dan GPGSCM, Kuala Lumpur, 7 November 1985; Laporan Lawatan ke Kompleks Sekolah-Sekolah Teluk Sengat, Dong Jiao Zong, Kuala Lumpur, 8 September 1985.

termasuklah kuasa autonomi, kedudukan Lembaga Pengelola dan PIBG, sistem pentadbiran, bahasa pengantar, kurikulum dan kegiatan ko-kurikulum di SRJK(C) dan SRJK(T).⁸³

Sekiranya kita meninjau garis panduan yang disediakan oleh Bahagian Sekolah-Sekolah, kita dapat PSI tidak berbangkit soal hendak menghapuskan bahasa serta kebudayaan Cina dan India dengan penggabungan kegiatan ko-kurikulum. Tidak timbul juga soal sama sekali PSI sebagai titik awal ke arah penghapusan SRJK(C) dan SRJK(T). Ini sama sekali menolak anggapan bahawa dengan wujudnya PSI bermakna seluruh sistem pendidikan yang sedia ada di tiap-tiap sekolah yang menjadi program integrasi akan mengalami perubahan yang boleh menjelaskan secara perlahan-lahan kuasa autonomi serta identiti SRJK(C) dan SRJK(T).

Sebenarnya, punca utama yang menimbulkan bantahan ialah PSI membabitkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam gabungan kegiatan ko-kurikulum. Sebelum PSI, adalah menjadi amalan biasa sekolah-sekolah rendah menjalankan kegiatan ko-kurikulum dengan menggunakan bahasa pengantar masing-masing. Akan tetapi, di bawah PSI sebagaimana yang ditegaskan oleh Menteri Pendidikan Abdullah Ahmad Badawi, murid-murid dari SRJK(C) dan SRJK(T) dikehendaki mengikuti kegiatan ko-kurikulum dengan menggunakan

⁸³ Kenyataan Bersama PPLPSCM dan GPGSCM, 8 Ogos 1985.

bahasa kebangsaan.⁸⁴ Walaupun ia secara tidak langsung akan memahirkan anak murid Cina dan India dalam penguasaan bahasa kebangsaan, namun Dong Jiao Zong dan Hua Tuan melihat amalan tersebut sebagai permulaan kepada penghapusan identiti SRJK(C) dan SRJK(T).⁸⁵

Sehubungan itu, Dong Jiao Zong berusaha untuk mengadakan dialog dengan Menteri Pendidikan. Tujuan utama dialog adalah untuk mendapat penjelasan lanjut mengenai matlamat, falsafah serta cara pelaksanaan PSI seperti jenis dan bahasa pengantar dalam gabungan ko-kurikulum serta kuasa Badan Penyelaras. Namun permintaan Dong Jiao Zong tidak menerima sebarang jawapan dari pihak kementerian.⁸⁶

Walau bagaimanapun, serombongan tujuh wakil Dong Jiao Zong berjaya mengadakan pertemuan bersemuka dengan Timbalan Menteri Pendidikan Dr.

⁸⁴ Watan, 25 Oktober 1985.

⁸⁵ Fail GPGSCM/PSI, Surat dari Lim Fong Seng, Pengerusi PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM kepada Menteri Pelajaran Malaysia Datuk Abdullah Ahmad Badawi, 26 Oktober 1985.

⁸⁶ Fail GPGSCM/PSI, Surat dari Lim Fong Seng, Pengerusi PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM kepada Menteri Pelajaran Malaysia Datuk Abdullah Ahmad Badawi, 8 Ogos 1985GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/PSI, Surat dari Lim Fong Seng, Pengerusi PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM kepada Menteri Pelajaran Malaysia Datuk Abdullah Ahmad Badawi, 23 September 1985, GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/PSI, Surat dari Lim Fong Seng, Pengerusi PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM kepada Menteri Pelajaran Malaysia Datuk Abdullah Ahmad Badawi, 30 September 1985, GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/PSI, Surat dari Lim Fong Seng, Pengerusi PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM kepada Menteri Pelajaran Malaysia Datuk Abdullah Ahmad Badawi, 15 Oktober 1985, GPGSCM, Kuala Lumpur.

Ling Liong Sik pada 13 Ogos 1985.⁸⁷ Dr. Ling Liong Sik gagal menghilangkan kekhawatiran dan keraguan masyarakat Cina terutamanya berhubung dengan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam kegiatan kurikulum. Beliau hanya setakat menafikan PSI bertujuan untuk menghapuskan SRJK(C) dan SRJK(T). Alasan yang diberikan ialah PSI hanya melibatkan kegiatan di luar seperti Hari Sukan, Koir, gotong-royong, aktiviti persatuan dan permainan.⁸⁸

Pada 30 Oktober 1985, kira-kira 2,500 orang Cina dan guru-guru termasuk sebilangan kecil orang India mengadakan perhimpunan di SRJK(C) Kepala Batas membantah PSI. Perhimpunan membantah tindakan kerajaan itu turut dihadiri oleh pemimpin parti MCA, Gerakan, MIC dan DAP. PIBG SRJK(C) Kepala Batas turut mengambil bahagian.⁸⁹ Selain itu, Dong Jiao Zong juga menganjurkan satu seminar mengenai PSI di Hotel Federal Kuala Lumpur pada 3 November

⁸⁷ Wakil-wakil tersebut terdiri daripada Lim Fong Seng (Pengerusi PPLPSCM), Loot Ting Yee & Tuang Pik King (Naib Pengerusi GPGSCM), Low Sik Thong dan Kerk Choo Ting (Penasihat Undang-undang), Lee Ban Chen (Setiusaha Eksekutif PPLPSCM) dan Yow Lee Fung (Setiausaha Kerja GPGSCM).

⁸⁸ Kenyataan Bersama PPLPSCM dan GPGSCM, 13 Ogos 1985.

⁸⁹ Berita Harian, 12 Disember 1985. Tujuh usul telah dikemukakan kepada kerajaan supaya PSI dihapuskan, iaitu (a).Masyarakat Cina melahirkan tidak puas hati terhadap kenyataan Menteri Pendidikan Abdullah Ahmad Badawi untuk mengadakan PSI, (b).Masyarakat Cina dan India kesal dengan kenyataan itu kerana tidak meminta pandangan orang ramai terlebih dahulu, (c).Masyarakat Cina dan India kesal kerana kerajaan tidak memberitahu mereka apakah matlamat rancangan itu sebelum dilaksanakan, (d).Masyarakat Cina kesal kerana rancangan itu tidak diberitahu melalui PIBG sekolah Cina dan India, (e).Konsep sebenar rancangan itu adalah untuk menghapuskan penggunaan Bahasa Cina dan Tamil, walaupun di luar bilik darjah, (f).Meminta kerajaan membatalkan rancangan itu kerana ia hanya akan menghapuskan Bahasa Cina dan Tamil, dan (g).Meminta kerajaan jangan menjadikan SRJK(C) Kepala Batas sebagai sekolah percubaan integrasi tahun depan.

1985. Kira-kira 1000 orang wakil dari 282 Hua Tuan termasuk 18 buah sekolah yang terpilih sebagai sekolah percubaan PSI telah menghadiri seminar tersebut.

Dalam ucapan pembukaan rasmi seminar, Pengerusi GPGSCM, Sim Mou Yu dengan lantang menyatakan ketegasan dan keteguhan pendirian Dong Jiao Zong terhadap PSI. Katanya:

“Pendekata, PSI adalah suatu helah, sesiapa yang menerimanya bermakna ia akan terperangkap buat selama-lamanya. Ada setengah-setengah golongan meminta pihak kerajaan menangguhkan pelaksanaannya, tetapi saya tidak setuju kerana tindakan tersebut merupakan penangguhan sementara sahaja dan akhirnya program itu juga dilaksanakan. Kita patut terus-terang membantah PSI dan meminta kerajaan memansuhkannya agar ciri-ciri SRJK(C) dapat dikekalkan, di samping membatalkan hasrat kerajaan untuk menghapuskan SRJK(C).”⁹⁰

Maka tidak hairanlah seminar membuat rumusan bahawa PSI mungkin bermula dari kegiatan ko-kurikulum di peringkat pertama dan kemudian diperluaskan hingga meliputi kurikulum sekolah.⁹¹ Seminar begitu khuatir SRJK(C) dan SRJK(T) akan dihapuskan bagi mencapai matlamat muktamad

⁹⁰ Teks ucapan pembukaan rasmi Sim Mou Yu, Pengerusi GPGSCM, dalam “Seminar PSI” anjuran PPLPSCM dan GPGSCM di Hotel Federal Kuala Lumpur pada 3 November 1985.

⁹¹ Fail GPGSCM/PSI, Surat dari Lim Fong Seng, Pengerusi PPLPSCM dan Sim Mow Yu, Pengerusi GPGSCM kepada Menteri Pelajaran Malaysia Datuk Abdullah Ahmad Badawi, 7 November 1985, GPGSCM, Kuala Lumpur.

dasar pendidikan kebangsaan, iaitu penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua peringkat institusi pendidikan.⁹²

Bantahan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap PSI telah mendapat sokongan daripada parti-parti politik Cina terutamanya MCA dan DAP. Pemangku Presiden MCA, Neo Yee Pan berpendapat bahawa PSI “will not bring about racial integration but will create resentment among the pupils and teachers”.⁹³ Oleh itu, beliau mengatakan bahawa partinya tetap membantah sebarang penyimpangan atau langkah yang mengancam kedudukan SRJK(C) di negara ini. Kebimbangan MCA terhadap PSI ini telah disuarakan dalam “Forum Mengenai Pelajaran dan Masa Depan Sekolah-Sekolah Cina” di Wisma MCA pada 10 Disember 1985. Forum itu menggesa kerajaan menujuhkan sebuah jawatankuasa pengawasan (*watch-dog committee*) untuk mengawasi perjalanan PSI bagi memastikan program itu tidak menukar bentuk SRJK(C). Forum itu juga mendesak Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961, akar umbi yang mengancam

⁹² Seminar tersebut mengemukakan empat alasan penentangan terhadap PSI, iaitu (a).PSI dikemukakan berasaskan teori yang salah, iaitu “Contact Theory”. Pelaksanaannya bukan sahaja tidak akan memberi faedah kepada perpaduan negara, malah mungkin memperhebatkan lagi polarisasi kaum, (b).Sebelum PSI dikemukakan, Kementerian Pendidikan tidak pernah berunding dengan masyarakat bukan Melayu amnya dan badan-badan pendidikan dan kebudayaan mereka khasnya, serta persetujuan Lembaga-lembaga Pengurus sekolah-sekolah terbabit juga tidak diperolehi; (c).Penjelasan-penjelasan Kementerian Pendidikan tentang PSI seperti kuasa pentadbiran, kegiatan ko-kurikulum dan penggunaan bahasa ibunda masih kabur; (d).PSI akan mengakibatkan SRJK(C) dan SRJK(T) kehilangan kedaulatan dan mengalami perubahan identiti serta ciri-ciri pada keseluruhannya. Ini adalah bercanggah dengan jaminan kerajaan bahawa keadaan sekolah rendah semua aliran mesti dikenakan. Lihat Resolusi-Resolusi Seminar PSI anjuran PPLPSCM dan GPGSCM di Hotel Federal Kuala Lumpur, Dong Jiao Zong, Kuala Lumpur, 3 November 1985.

⁹³ The Star, 8 November 1985.

perwujudan dan perkembangan sekolah-sekolah rendah Cina, dimansuh dan dipinda”.⁹⁴

Sementara di sidang Dewan Rakyat pada 28 Oktober 1985, Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang telah mendakwa PSI menimbulkan keraguan dan kurang percaya di kalangan rakyat mengenai keberkesanan ke atas pemeliharaan SRJK(C) dan SRJK(T). Oleh itu, beliau mahu Kementerian Pendidikan menangguhkan penerimaan idea sekolah integrasi sehingga ibu bapa, guru dan golongan pendidik berpuas hati bahawa program itu tidak mengancam ciri-ciri SRJK(C) dan SRJK(T).⁹⁵

Semenjak pengumuman PSI ini, Kementerian Pendidikan sudah berkali-kali memberi jaminan terhadap pelbagai andaian dan pelbagai ketakutan masyarakat Cina dan India. Kementerian Pendidikan telah menolak dakwaan kedudukan SRJK(C) dan SRJK(T) akan terhapus dengan adanya PSI. Menteri Pendidikan Abdullah Ahmad Badawi sendiri telah menegaskan kementerian tidak berhasrat melenyapkan identiti SRJK(C) dan SRJK(T), sebaliknya ia tetap diberi perhatian dan bantuan di bawah PSI. Oleh itu, rakyat keturunan Cina dan India tidak perlu khuatir atau kecewa dengan PSI itu kerana ia adalah rancangan baik

⁹⁴ Utusan Malaysia, 12 Disember 1985.

⁹⁵ Berita Harian, 29 Oktober 1985.

yang dapat “melahirkan generasi yang benar-benar memahami antara satu sama lain yang boleh berfikir dan bertindak sebagai rakyat Malaysia”.⁹⁶

Selain itu, dalam menjawab persoalan PSI yang ditimbulkan oleh ahli-ahli Dewan Rakyat pada 12 November 1985, Menteri Pendidikan Abdullah Ahmad Badawi juga menegaskan bahawa rancangan itu adalah bertujuan memupuk integrasi murid-murid untuk perpaduan dan bukanlah rancangan untuk mencatumkan sekolah-sekolah yang terlibat dari segi fizikalnya termasuk pentadbirannya.⁹⁷

Dengan jaminan tersebut, kebimbangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 sepatutnya tidak wujud lagi. Akan tetapi, mereka masih menyangsikan bahawa PSI akan menjadi titik tolak kepada pertukaran ciri-ciri SRJK(C) dan SRJK(T).

Walau bagaimanapun, bantahan kuat Dong Jiao Zong, Hua Tuan dan parti-parti politik Cina telah mendesak Kementerian Pendidikan membuat beberapa perubahan bagi memenuhi kehendak mereka. Jika kita meninjau draft Buku Panduan Rancangan Integrasi Murid-Murid, kita akan dapati Kementerian Pendidikan telah menerima pandangan dan cadangan yang dikemukakan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan.

⁹⁶ Ibid., 30 Oktober 1985.

⁹⁷ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parliment Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil.43, 12 November 1985, hlm. 6904.

Terdapat empat perubahan utama telah dilakukan jika dibandingkan dengan Buku Panduan PSI. Pertama, nama PSI digantikan dengan Rancangan Integrasi Murid-Murid dan tidak lagi menekankan percantuman sekolah sebagai “*complex school*”. Kedua, wakil-wakil Lembaga Pengelola dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah yang terlibat dalam rancangan dibenarkan menjadi ahli jawatankuasa Badan Penyelaras. Ketiga, Badan Penyelaras tidak boleh menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan agama, aktiviti akademik, bahasa pengantar, kurikulum dan pentadbiran sekolah yang terlibat. Keempat, aktiviti-aktiviti gabungan hanya dihadkan kepada lapan aktiviti sahaja, iaitu merentas desa, lumba jalan kaki, bola sepak, bola jaring, bola keranjang, bola baling, sukaneka, dan gotong royong.⁹⁸

Selain itu, Menteri Pendidikan Abdullah Ahmad Badawi juga bersetuju untuk menemui rombongan Dong Jiao Zong yang diketuai oleh Lim Fong Seng dan Sim Mow Yu. Dalam pertemuan secara “*close-door*” pada 7 November 1985,⁹⁹ Kedua-dua pihak mencapai beberapa persefahaman dan persetujuan berhubung dengan Buku Panduan Rancangan Integrasi Murid-Murid. Antaranya

⁹⁸ Untuk keterangan lanjut tentang rancangan ini, lihat Bahagian Sekolah-Sekolah, Buku Panduan Rancangan Integrasi Murid-Murid, Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur, 1986.

⁹⁹ Fail GPGSCM/PSI, Surat dari Dr. Ling Liang Sik, Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia kepada Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM, 5 November 1985, GPGSCM, Kuala Lumpur. Wakil Kementerian Pendidikan dalam dialog tersebut adalah diketuai oleh Menteri Pendidikan Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Menteri Pendidikan Ling Liang Sik, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dan Pengarah Bahagian Sekolah-Sekolah, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, manakala wakil Dong Jiao Zong adalah diketuai oleh Pengurus Dong Zong, Lim Fong Seng, Pengurus Jiao Zong, Sim Mow Yu, Loot Ting Yee, Lee Ban Chen, Low Sik Thong, Koh Tsu Koon, Yow Lee Fung, Wong Sue Kau, Soo Thien Ming dan Kerk Choo Ting.

ialah kedua-dua pihak bersetuju bahawa program itu hanya melibatkan lapan perkara kegiatan khas atau tambahan di luar bidang kurikulum dan ko-kurikulum yang sedia ada. Untuk itu, adalah diakui bahawa sesuatu kegiatan itu hanya boleh dijalankan setelah dipersetujui dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Penyelaras. Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk mengamalkan kebebasan penggunaan ketiga-tiga bahasa pengantar dalam kegiatan ko-kurikulum serta menjamin ciri-ciri SRJK tidak akan terjejas dalam pelaksanaan program ini.¹⁰⁰

Selain itu, Menteri Pendidikan juga menerima cadangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan untuk menggantikan nama program “Rancangan Integrasi Murid-Murid” dengan “Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan”. Selain itu, Menteri Pendidikan juga bersetuju untuk memasukkan dua cadangan utama Dong Jiao Zong dan Hua Tuan ke dalam draft buku panduan bagi menjamin ciri-ciri SRJK(C) dan SRJK(T) terus dikekalkan. Cadangan pertama bersabit dengan bahasa pengantar sekolah, iaitu “*the medium of instruction of the three schools can be used freely in all meeting, ceremonies, statements and notices, explanations and publications*”.¹⁰¹ Cadangan kedua berkaitan dengan sekatan kuasa Badan Penyelaras yang berbunyi,

¹⁰⁰ Fail GPGSCM/PSI, Surat dari Lim Fong Seng, Pengurus PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada Menteri Pelajaran Malaysia Datuk Abdullah Ahmad Badawi, 18 November 1985, GPGSCM, Kuala Lumpur.

¹⁰¹ Joint Statement by UCSCAM & UCSTAM, 8 November 1985.

“All decisions concerning joint activities, the joint use of school facilities and equipment and the sharing of manpower, experience and expertise must first be unanimously agreed upon by the these schools concerned bearing in mind the spirit of consultation and the principle of voluntary participation, and the administrative autonomy of the schools must not be infringed.”¹⁰²

Berdasarkan persefahaman dan persetujuan ini, jelas menunjukkan bahawa kebimbangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap pertukaran ciri-ciri SRJK(C) dan SRJK(T) telah dihapuskan. Ini termasuklah jenis gabungan kegiatan ko-kurikulum yang terhad, penggunaan bahasa pengantar dalam kegiatan bersama serta sekatan terhadap kuasa Badan Penyelaras. Dengan ini, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan memberi sambutan baik dan menyatakan sokongan kepada pelaksanaan program tersebut. Mereka membuat pengumuman rasmi kepada masyarakat Cina bahawa “*in view of the changes, we conclude that there is no danger that the new programme will change the character of the Chinese Primary schools and Tamil Primary schools*”.¹⁰³

Ringkasnya, Dong Jiao Zong berasa ragu-ragu tentang matlamat sebenar PSI adalah untuk menghapuskan identiti SRJK(C) dan SRJK(T). Mereka tidak dapat menerima bahasa kebangsaan digunakan sebagai bahasa perantaraan dalam menjalankan kegiatan ko-kurikulum, walaupun amalan ini dapat membantu memupuk perpaduan nasional. Bagi meredakan ketakutan masyarakat Cina

¹⁰² Ibid.

¹⁰³ The Star, 9 November 1985.

terhadap penghapusan SRJK(C) dan SRJK(T), pindaan telah dibuat berdasarkan tuntutan dan kehendak mereka.

Berdasarkan huraian-huraian di atas, jelas kelihatan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan begitu sentitif terhadap sebarang rancangan pendidikan Kementerian Pendidikan yang berhubung dengan SRJK(C). Kebimbangan yang keterlaluan terhadap identiti dan status quo SRJK(C) telah mempengaruhi mereka dengan serta merta mengaitkan Kurikulum 3M, PSI dan penggunaan bahasa kebangsaan dalam majlis rasmi dengan peruntukan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961. Mereka mendakwa program-program pendidikan tersebut sebagai usaha kerajaan untuk mengalihbahaskan SRJK(C) kepada SRK/SK. Bantahan keras yang ditunjukkan oleh Dong Jiao Zong dan Hua Tuan telah berjaya mendesak kerajaan bertolak ansur terhadap tuntutan mereka. Kerajaan telah mengetepikan dasar pendidikan tersebut walaupun pada hakikatnya ia bertujuan untuk mencapai perpaduan nasional dan mengintegrasikan SRJK(C) ke dalam arus perdana pendidikan negara. Tegasnya keengaman Dong Jiao Zong dan Hua Tuan untuk menerima konsep pendidikan kebangsaan telah merumitkan usaha kerajaan untuk merealisasikan aspirasi negara terutamanya mengintegrasikan SRJK(C) ke dalam sistem pendidikan kebangsaan.